

# Nostalgia terindah

Anda yang mempunyai nostalgia, pengalaman misteri dan ngeri, menyenangkan ketika di kampus, sila kongsiannya dengan pembaca. E-mel pengalaman beserta gambar ke [bbv@sisilabharian.com](mailto:bbv@sisilabharian.com). my untuk diwarikan.

**P**ENGALAMAN pertama kali menjejakkan kaki di negara orang, apatah lagi tempat dituju cukup terkenal seantero dunia sebagai syurga pelancongan indah serta gedung ilmu, tidak mungkin dilupakan sepanjang hayat.

Ibarat bagai pucuk dicita ulam mendatang, saya dipilih Fakultas Sains dan Teknologi, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) sebagai seorang daripada lapan mahasiswa pelbagai latar belakang program pengajian mengikut Program Pengantarabangsaan ke Melbourne, Australia.

Tanggungjawab digalas bagi memperkenalkan nama USIM, selain meraih pengetahuan baru mengenai sistem pendidikan tinggi di negara berkenaan tidak dipersiapkan.

Sebelum terbang ke sana, kami berdepan dengan dugaan awal antaranya penularan penyakit Influenza A H1N1 di Melbourne yang begitu membimbangkan.

Satu keputusan tegas diambil dengan mewajibkan semua peserta mengambil suntikan vaksin selain memakai topeng mulut sebagai langkah pencegahan.

Alhamdulillah, setelah lapan jam mengharungi penerbangan dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang, akhirnya kami tiba di bumi dingin Melbourne. Kami disambut mesra keluarga angkat yang terdiri daripada pelajar Malaysia yang menyambung pengajian di beberapa universiti terkemuka di sana.

Pelbagai program dan aktiviti yang diaturkan dan perlu dilaksanakan segera. Keinginan menjelajahi dan menikmati segala keindahan di Melbourne diketepikan dulu.

Segala-galanya bermula dengan sesi lawatan ke beberapa universiti ternama termasuk La Trobe University, RMIT University, Swinburne University dan Monash University.

Kunjungan ini memberi

peluang saya bertukar idea dan pandangan bersama warga pendidik dan pelajar-pelajar berkaitan sistem pembelajaran, program akademik dan pembangunan mahasiswa, selain berkongsi cerita mengenai keunikan dan keistimewaan universiti masing-masing.

Bagaimana adat Timur begitu menghargai kedatangan tetamu, warga universiti di sana juga ramah menyambut dan melayani rombongan kami walaupun terikat dengan tugas harian di universiti.

Kami dibawa meninjau kemudahan pembelajaran dan pengajaran berteknologi tinggi, malah berpeluang memanfaatkan kemudahan yang disediakan. Peluang bersiar-siar melihat sekitar kampus sambil merakam gambar kenangan sekali gus menanam tekad untuk menyambung pelajaran di universiti itu suatu masa nanti.

Satu perkara yang cukup dikagumi adalah budaya keilmuan yang tinggi di kalangan mahasiswa selain penganjuran program akademik mendapat sambutan menggalakkan.

Bagi mahasiswa, setiap wang ringgit dan masa yang dikorbankan untuk mengikuti pengajian di universiti terkemuka itu perlu dimanfaatkan sebaik mungkin bagi memperoleh pencapaian yang cemerlang.

Teladan ini wajar dicontohi kerana kadangkala mahasiswa kita mudah lupa dengan tujuan sebenar mereka menjejakkan kaki ke menara gading angkara budaya hedonisme yang semakin menjalar.

Setelah misi utama tertunai, hari yang berbaki digunakan untuk merasai kenikmatan dan keindahan di bandar raya Melbourne dengan menaiki sistem pengangkutan utama yang dikenali sebagai Tram.

Uniknya pengangkutan persis kereta api yang dijana

## Pelajar USIM gembira ikuti Program Pengantarabangsaan ke Melbourne



**PESERTA Program Pengantarabangsaan ke Melbourne bergambar kenangan di Lake Mountain Resort, Melbourne, Australia.**

kuasa elektrik itu bergerak di atas jalan raya dan ia memberi pengalaman baru apabila berpeluang melewati tempat menarik sekitar bandar raya itu seperti Melbourne Museum dan Victoria Park.

Tidak lengkap rasanya jika kunjungan ke negara yang popular dengan kanggaru dan koala jika tidak melihat kedua-dua ikon pelancongan ini secara dekat. Pengalaman itu diraih ketika berkunjung ke Ballarat Wildlife Park.

Selain itu, kunjungan ke replika perkampungan ala koboi di Sovereign Hill yang terkenal dengan aktiviti perlombongan emas mengembalikan ingatan kami zaman lampau.

Masa begitu pantas berlalu, tibalah hari terakhir berada di Melbourne. Kesempatan digunakan untuk membeli-belah di Victoria Market sebagai tanda kenangan dan buah tangan buat sahabat di Malaysia.

Cenderamata turut kami huluskan kepada setiap

keluarga angkat sebagai tanda terima kasih atas budi baik dan layanan mesra yang diberikan. Bersaksikan Lapangan Terbang Antarabangsa Melbourne, kami berjabat tangan dan berpelukan erat buat kali terakhir bersama mereka sebelum berlepas ke Malaysia. Nyata kunjungan ke Australia menjadi nostalgia terindah dalam hidup sepanjang empat tahun belajar di USIM.

**Mohd Zaini Othman,  
Mantan Bendahari  
Sekretariat Mahasiswa,  
Fakulti Sains dan Teknologi  
Universiti Sains Islam, Malaysia.**